

KKE UMS lancar Tabung Makanan untuk pelajar kurang mampu

NST 10.4.2018 6

KOTA KINABALU: Tabung makanan Kolej Kediaman Excellent (KKE) Universiti Malaysia Sabah (UMS) dilancarkan baru-baru ini di hadapan pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP) kolej berkenaan.

Dinamakan sebagai Pit-Stop Abdur Rahman Bin Auf, tabung berkenaan merupakan hasil inisiatif Exco Kebajikan Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (Jakmas) KKE.

Yang Dipertua Jakmas KKE, Siti Irra Shahirah Mohd Yasin berkata, Pit-Stop Abdur Rahman bin Auf adalah tabung makanan bagi membantu pelajar KKE yang kurang berkecukupan dan dikhaskan kepada mereka yang benar-benar memerlukan.

“Nama Pit-Stop Abdur Rahman bin Auf diambil daripada nama salah seorang sahabat nabi Muhammad S.A.W iaitu Abdur Rahman

bin Auf kerana sikap dermawannya yang sanggup mendermakan sejumlah hartanya di dalam perperangan Tabuk.

“Justeru, melalui tabung makanan ini ia dilihat mampu menjadi sumber inspirasi kepada pelajar memupuk sikap dermawan dalam diri,” katanya ketika ditemui media.

Sementara itu, Pengetua Kolej Kediaman Excellent, Dr. Syahruddin Awang Ahmad berkata, insiatif berkenaan wajar dipuji dan perlu dicontohi kerana ia bukan sahaja menyerapkan sifat dermawan dalam kalangan pelajar KKE, tetapi meningkatkan sahsiah pelajar dengan melahirkan sikap prihatin sesama manusia.

“Slogan program ini iaitu “Sharing is Caring” juga merupakan wadah untuk memupuk sifat kasih sayang dan keperihatinan pelajar



RASMI...Syahruddin (dua dari kiri) memotong riben sebagai simbolik perasmian Pit-Stop Abdur Rahman bin Auf sambil disaksikan Irra (kiri) dan Hilmey (dua dari kanan).

dalam membantu mereka yang memerlukan, serta mengaplikasikan sifat yang mulia ini di dalam kehidupan mereka,” ujarnya lagi.

Turut hadir pada program itu, Timbalan Pengetua Kolej Kediaman Excellent

merangkap Penyelaras program, Mohd Hilmey Sali, felo-felo kolej, ahli jawatankuasa Jakmas, Majlis Ketua-ketua Sekretariat, Majlis Ketua-ketua Blok dan Majlis Ketua-ketua Kelab Kolej KKE.